

# BAB PERTAMA

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Selama satu abad selepas kewafatan Muhammad S.A.W. umat Islam bukan hanya berjaya memperluaskan empayar tetapi juga telah berjaya membuktikan keupayaan mereka di dalam bidang ilmu pengetahuan. Mereka juga telah berjaya membawa kemajuan hingga ke Eropah. Di dalam bidang ilmu perubatan, bermula dari abad kesembilan perubatan Islam telah pesat berkembang. Perkembangan meliputi penemuan berbagai terminologi perubatan, ramainya bilangan doktor yang berkelayakan, terhasilnya buku-buku yang menjadi rujukan penting dalam bidang perubatan dan seterusnya penubuhan hospital dengan wad-wad khas untuk berbagai jenis penyakit.

Dalam zaman keemasan pemerintahan <sup>1</sup>Abbasiyyah <sup>1</sup>, Baghdad di sebelah timur dan Qurtubah (Cordova) di barat telah menjadi pusat-pusat pengajian ilmu perubatan Islam yang penting. Sewaktu Paris dan London masih dipenuhi lorong-lorong berlumpur dan pondok-pondok usang, Baghdad, Cairo dan Cordova mempunyai hospital-hospital untuk pesakit-pesakit lelaki dan wanita yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan dan mempunyai pembantu-pembantu

<sup>1</sup> Kerajaan <sup>1</sup>Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad telah memerintah selama kira-kira lima abad iaitu 132-565H/750-1258M. Terdapat seramai 37 orang khalifah yang telah mentadbir kerajaan ini, dimulai oleh Khalifah Abu al-Saffah (132-136H). Tetapi selepas kewafatan Khalifah al-Wathiq pada tahun 232H/847M berakhirlah zaman keemasan kerajaan <sup>1</sup>Abbasiyyah. Selepas itu kerajaan <sup>1</sup>Abbasiyyah berada pula di zaman kemunduran dan kejatuhan dengan diakhiri oleh Khalifah al-Mu'tasim yang dibunuh oleh tentera Moghul pada tahun 565H/1258M. ( Mahayudin Hj. Yahya (1998), *Tamadun Islam. Siri Sejarah Fajar Bakti*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 169.

dari kalangan lelaki dan wanita. Di hospital atau pusat-pusat perubatan ini terdapat perpustakaan, farmasi, bahagian pesakit luar, bahagian pesakit dalam dan jururawat yang mencukupi.<sup>2</sup>

Terdapat juga klinik-klinik bergerak untuk memberikan rawatan kepada masyarakat atau orang awam yang tiada upaya untuk datang ke hospital bagi menjalani rawatan, tidak ada kemudahan dan kesempatan untuk datang ke hospital dan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil.<sup>3</sup>

Senario ini memperlihatkan betapa tamadun Islam telah mendahului tamadun-tamadun umat lain di dunia ini termasuklah di dalam bidang perubatan. Tamadun Islam juga sentiasa berkembang maju dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat dalam membangunkan kehidupan.

Tidak dapat dinafikan sama sekali bahawa perkembangan ini didorong oleh tuntutan ajaran Islam itu sendiri yang sentiasa menggalakkan perkembangan ilmu serta menyuruh berusaha untuk berubat apabila ditimpa sesuatu penyakit.

Sabda Rasulullah S.A.W. daripada Abi Darda':

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدُّوَاءَ وَجَعَ لِكُلِّ دَاءٍ دُوَاءً فَتَداوِوا وَلَا تَداوِوا بِحَرَامٍ

Maksudnya : Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat, dan Dia menjadikan tiap-tiap penyakit ada ubatnya.Maka berubatlah dan jangan kamu berubat dengan yang haram.<sup>4</sup>

<sup>2</sup>Al-Surty, Muhammad Ibrahim Hafiz Ismail (1996) , *Muslims Contribution to The Development of Hospital* , Birmingham: Quranic Arabic Foundation, h. 55

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup>al-Bayhaqi , Ahmad bin Husayn bin Ali bin Musa Abu Bakr (t.t), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*, tahqiq: Muhammad Abd Qadir 'Ata', juz: 10, Makkah: Maktabah Dar al-Baz, h.5.

Sabda baginda lagi:

ياعباد الله تداوا فابن الله تعالى لم يضع داء إلا وضع له دواء غير داع واحد ، الهرم.

Wahai hamba Allah berubatlah, maka sesungguhnya Allah Ta'ala tidak menjadikan penyakit kecuali menjadikan baginya ubat, melainkan satu iaitu penyakit tua.”<sup>5</sup>

Konsep *māristān* , walaupun diambil daripada orang-orang Suryāni yang mempunyai kepakaran yang istimewa dalam bidang perubatan <sup>6</sup> , namun ia telah dimajukan dan dipermodenkan oleh umat Islam sesuai dengan kehendak syariat. Rasulullah S.A.W sendiri pernah menganjurkan umat Islam supaya belajar hingga ke negara China. Wasiat Rasulullah S.A.W. ini disampaikan ketika Islam belum lagi tersebar ke negara tersebut. Ini membuktikan bahawa Islam menuntut umatnya berusaha mendapatkan ilmu walau di mana sekalipun ia berada. Ajaran Islam juga adalah praktikal di mana setiap ilmu yang berguna perlu dicari dan dimanfaatkan sekalipun ia datang dari orang-orang bukan Islam.

Melalui kajian ini penulis akan menyingkap tentang sejarah perkembangan *māristān* dalam tamadun Islam dengan memilih dan menjadikan PUSRAWI sebagai contoh hospital Islam kini yang dijadikan subjek kajian. Perbandingan dibuat terhadap beberapa aspek yang dipilih.

<sup>5</sup> Al-Hakim, Abu <sup>c</sup> Abdullah Muhammad al-Naisabūri ( 1968), *al-Mustadrik* <sup>c</sup> ala *al-Shihaini fi al-Hadīth*, juz. 4, Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithah, h. 399.

<sup>6</sup> Dr. Hassan Ibrahim Hassan (1988) , *Sejarah Islam ( Menyentuh Bidang-bidang Politik , Agama , Kebudayaan dan Kemasyarakatan )*. Ismail bin Mohd Hassan (terj), siri 7 , Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 129.

## **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH**

### **1.2.1 Latar Belakang Masalah Kajian**

Umumnya masyarakat dunia hari ini, termasuk masyarakat Islam menganggap bahawa hospital dan sistem perkhidmatan perubatan yang terdapat di zaman moden ini merupakan sesuatu yang telah diperkenalkan oleh Barat. Sebenarnya sikap Islam terhadap kemajuan-kemajuan Barat yang tedapat pada hari ini sama sahaja dengan sikapnya terhadap kemajuan dan tamadun silam yang lain. Ia bersedia menerima apa sahaja kemajuan yang mendatangkan kebaikan dan sebaliknya menolak apa sahaja unsur yang mendatangkan kejelikan, kejahatan dan kemuatan.<sup>7</sup>

Islam juga telah melindungi dan menyuburkan hasil-hasil kemajuan ilmiah yang dirintis oleh tamadun Greek dan Parsi dalam bidang perubatan, astronomi, metamatik, fizik, kimia dan falsafah malah intisari kemajuan ilmiah yang dicapai oleh umat Islam di Andalus merupakan tapak bagi kebangkitan dan kemajuan masyarakat di Eropah dalam bidang sains dan teknologi.

Islam sebenarnya telah mempunyai asasnya sendiri dalam ilmu perubatan dan seterusnya perkembangan perkhidmatan perubatan, iaitu daripada amalan Rasulullah S.A.W. Di samping itu tamadun Islam turut mengambil manfaat daripada tamadun lain, terutamanya tamadun Parsi . Perkataan *māristān* yang digunakan untuk rumah sakit atau hospital misalnya menggambarkan adanya

---

<sup>7</sup> Muhammad Qutb (1978), *Salah Faham Terhadap Islam*, t.p (terj). Kuwait : International Islamic Federation of Student Organization, h.212.

usaha-usaha begini. Namun, konsep dan falsafah yang dijelmakan oleh tamadun Islam adalah berteraskan konsep Tauhid yang menekankan konsep pengabdian diri kepada Allah S.W.T. dalam seluruh aspek kehidupan.

Ikrar Ahli Perubatan Muslim yang dijadikan landasan oleh ahli-ahli perubatan muslim sedunia memberikan gambaran yang jelas tentang prinsip dan falsafah perubatan dan perkhidmatan perubatan Islam:

.....*To do my utmost to alleviate pain and misery, and to comfort and counsel human beings in sickness and in anxiety; To respect the confidence and guard the secrets of all my patients; To maintain the dignity of health care, and to honour the teachers, students and members of many profession; To strive in the pursuit of knowledge in Thy name for the benefit of mankind, and to uphold human honour and dignity;*.....<sup>8</sup>

Di era globalisasi kini, berbagai isu berkaitan perkhidmatan perubatan timbul dalam masyarakat, terutamanya berkaitan dengan masyarakat Islam . Misalnya isu etika perkhidmatan yang tidak sesuai dengan lunas-lunas syarak, perkhidmatan perubatan yang tidak menyeluruh kepada semua golongan masyarakat dan kos rawatan tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah.

Isu-isu ini mendorong penulis untuk membuat kajian tentang hospital dan perkhidmatan perubatan yang terdapat dalam tamadun Islam dan seterusnya mengkaji perkembangan institusi ini di Malaysia. Penulis memilih Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI) Kuala Lumpur memandangkan institusi ini merupakan antara institusi perubatan yang terawal di Malaysia yang diuruskan oleh Baitulmal sebagai sebuah hospital atau pusat rawatan Islam.

---

<sup>8</sup>Arsil Ibrahim (1998), *Pedoman Pesakit Muslim*, Kuala Lumpur : Kampung Baru Medical Centre, h. 42. (Petikan sebahagian dari ikrar Ahli Perubatan Muslim)

### **1.2.2 Sejarah Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI)**

Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI) adalah sebuah hospital persendirian yang ditubuhkan pada 10hb. Januari 1984 oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pusat Rawatan Islam ini telah mula beroperasi melalui perkhidmatan klinik luar iaitu klinik induk di Wisma Baitulmal pada bulan Jun 1984. Pada 25hb. Januari 1985, Pusat Rawatan Islam ini telah dibuka dengan rasminya.

PUSRAWI yang menjadi subjek kajian penulis adalah di bawah pengurusan bahagian Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penulis memilih PUSRAWI sebagai subjek kajian adalah kerana memandangkan institusi ini merupakan antara pusat perubatan Islam terawal di negara ini dimiliki dan ditadbir serta diuruskan oleh institusi Islam seperti Baitul Mal dan Majlis Agama Islam di Malaysia.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara keseluruhannya kajian ini mempunyai beberapa objektif:

- i. Menyelidiki maklumat yang ada dalam khazanah ilmu mengenai institusi perubatan Islam.
- ii. Meninjau perlaksanaan pengurusan PUSRAWI sebagai perintis dalam penubuhan institusi perubatan Islam di Malaysia.

- iii. Meninjau sejauhmana perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh PUSRAWI sesuai dengan syariat Islam.
- iv. Melihat beberapa perbezaan yang terdapat antara *māristān* yang pernah wujud dalam tamadun Islam dengan institusi perubatan Islam kini khususnya PUSRAWI.
- v. Menyediakan beberapa rumusan, kesimpulan dan saranan hasil dari pengamatan kajian untuk perkembangan institusi perubatan yang berlandaskan Islam di Malaysia pada masa akan datang.
- vi. Membuka peluang kepada pengkaji-pengkaji lain meneruskan pengkajian yang lebih mendalam mengenai sejarah dan Tamadun Islam khususnya berkaitan dengan institusi-institusi perubatan yang telah memainkan peranan penting dalam membangunkan umat Islam.

#### 1.4 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk disertasi ini, “*Māristān*” (Hospital) Dalam Tamadun Islam: Suatu Kajian Perbandingan Tentang Pelaksanaannya Dengan Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI), akan diuraikan dalam bahagian ini.

“*Māristān*” bererti hospital, rumah sakit atau pusat perubatan.<sup>9</sup> Istilah ini didapati mula digunakan oleh umat Islam di ‘zaman Kerajaan Umayyah. Ini berikutan perkembangan Islam hingga ke Parsi dan terdapat kesan-kesan

<sup>9</sup> H.A.R. Gibb, et. Al. ( 1979 ), *The Encyclopaedia of Islam*, New Edition, V.1, A-B, Leiden : E.J. Brill, h.1222.

pertembungan antara budaya dan tamadun Parsi dengan tamadun Islam. *Māristān* pertama dalam tamadun Islam didirikan oleh Khalifah al-Walid ibn Abd Malik dalam tahun 88 Hijriah / 707 Masihi di Damshiq.<sup>10</sup>

**Hospital** merupakan istilah yang difahami umum sebagai sebuah institusi yang menyediakan perkhidmatan perubatan kepada mereka yang sakit, cedera dan sebagainya.<sup>11</sup>

**Tamadun** bermaksud perkembangan atau kemajuan, kehalusan budi pekerti dan sopan santun. Perkataan tamadun koheren<sup>12</sup> dengan *‘umran* dan koheren pula dengan *madani*.<sup>13</sup> Penggunaan istilah tamadun atau peradaban sering diutarakan sebagai sesuatu yang begitu gemilang. Manusia yang tidak bertamadun dianggap *barbarian*.<sup>14</sup> Pada hari ini istilah tamadun digunakan dengan berbagai tafsiran disebabkan latar belakang dan budaya hidup manusia yang berbeza.

Ibn Khaldun dalam kitabnya “*Mugaddimah*” mentakrifkan masyarakat yang bertamadun atau masyarakat yang mempunyai peradaban (disebut juga masyarakat *madani*) sebagai masyarakat manusia yang maju atau makmur di kota

<sup>10</sup> Ahmad Taha (1992), *Kedoktoran Islam*. Ismail Ibrahim (terj.), c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44.

<sup>11</sup> The American Heritage (1987), *Illustrated Encyclopedic Dictionary*, USA :Houghton Mifflin Company, h. 816.

<sup>12</sup> Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga, koheren bermakna berhubungan atau bersangkut paut (h.691)

<sup>13</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1998),*Tamadun Islam- Siri Sejarah Fajar Bakti*, c.1. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti, h. xiv.

<sup>14</sup> Azhar Hj. Mad Aros,et al.(2001), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, edisi kedua. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti, h. 2.

atau di desa, dalam aspek pembangunan fizikal dan juga kerohanian.<sup>15</sup> Menurut Syed Naquib al-Attas, “tamadun” merupakan keadaan kehidupan masyarakat yang telah mencapai kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.<sup>16</sup>

Kesimpulannya, “tamadun” bolehlah diertikan sebagai suatu pencapaian tinggi yang telah diperolehi oleh manusia dalam semua aspek kehidupan. Keadaan ini telah mengubah status sosial manusia daripada kehidupan yang serba mudah kepada satu organisasi masyarakat yang lebih komplek.<sup>17</sup>

Perkataan **Islam** berasal dari perkataan Arab (الْإِسْلَامُ) yang bererti keamanan, kesejahteraan dan keselamatan.<sup>18</sup> Dari sudut istilah, Islam ialah ad-Din (الدِّينُ) yang bermaksud suatu sistem atau peraturan hidup yang diturunkan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi sistem hidup manusia.<sup>19</sup> Ia mengandungi peraturan-peraturan hidup yang lengkap dan sempurna yang boleh memelihara serta menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat yang diturunkan kepada Muhammad S.A.W. untuk disampaikan kepada seluruh manusia.

**Dalam Tamadun Islam** membawa maksud sepanjang sejarah perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh umat Islam.

<sup>15</sup> Ibn Khaldun (1995), *Mukadimah Ibn Khaldun,t.p.( tejr.)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. LXXXV.

<sup>16</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1984), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 10.

<sup>17</sup> Azhar Hj. Mad Aros, *op.cit.*, h.3.

<sup>18</sup> Butrus al-Bustāñī, al-Muā'ilim (1987) , *Muḥīt al-Muḥīt Qamus Mutawal li al-lughah al-‘Arabiyyah*, Beirut : Maktabah Lubnan, h. 433.

<sup>19</sup> Al-Maudūdi, Abu A’la (1980), *Empat Istilah Dalam al-Quran*, Abdullah Said (terj.), Singapura : Pustaka Nasional, h.114.

## **Suatu Kajian Perbandingan Tentang Pelaksanaannya Dengan Pusat**

**Rawatan Islam (PUSRAWI)** bermaksud; penulis akan membuat suatu kajian perpustakaan mengenai *Māristān* (hospital) yang pernah wujud dalam sejarah dan tamadun Islam ( khususnya di zaman Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Abbasiyyah) serta mengkaji mengenai Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan dan perlaksanaannya kini. Kemudian perbandingan akan dibuat terhadap beberapa aspek yang dipilih di PUSRAWI sebagai institusi perubatan yang menjadi perintis dalam perlaksanaan sistem perubatan Islam di Malaysia.

**Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan; *Pusat*<sup>20</sup>** bererti tempat tumpuan, *Rawatan* pula daripada perkataan “rawat” yang bererti mengubati, menjaga, membela, memelihara, melayani, meladani, menyelenggarakan dan menguruskan.<sup>21</sup> Oleh itu *Pusat Rawatan* bermaksud tempat di mana aktiviti pengubatan, penyembuhan, penjagaan dan pemeliharaan kesihatan dijalankan. *Islam* di sini boleh membawa maksud cara Islam, kaedah Islam, milik umat Islam atau diuruskan oleh umat Islam.

**PUSRAWI** merupakan nama singkatan kepada institusi ini iaitu Pusat Rawatan Islam.

Wilayah Persekutuan yang dimaksudkan ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ; ia merupakan suatu wilayah yang berada dalam negara Malaysia. Wilayah ini dahulunya adalah merupakan ibu negeri Selangor dan dikenali

<sup>20</sup> Teuku Iskandar, Dr.( 2002 ), *Kamus Dewan Edisi Ketiga (cetakan ketujuh)* , Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, h. 1075.

<sup>21</sup> \_\_\_\_\_ *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (1998), Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, h. 725.

sebagai Kuala Lumpur. Pada 1 haribulan Februari 1974 Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan yang terasing dari negeri Selangor. Jumlah penduduk Kuala Lumpur ialah 1,423,900 pada tahun 2000.<sup>22</sup>

### 1.3.2 Perumusan Masalah

Dalam kajian ilmiah ini, penulis akan mengutarakan beberapa pokok persoalan yang akan dijadikan panduan untuk memudahkan penulis memahami tajuk-tajuk yang akan dibincangkan. Di antaranya termasuklah:

- (a) Apakah pengertian sebenar *māristān*?
- (b) Sejak bilakah wujudnya *māristān* dalam tamadun Islam?
- (c) Bagaimanakah kedudukan *māristān* dalam tamadun Islam?
- (d) Bagaimanakah umat Islam di zaman lampau, terutamanya di zaman kegemilangan Islam menguruskan *māristān*?
- (e) Bagaimanakah kedudukan hospital Islam di Malaysia hari ini?
- (f) Bagaimanakah PUSRAWI sebagai institusi yang menjadi perintis dalam perlaksanaan hospital Islam di Malaysia diuruskan oleh umat Islam?
- (g) Apakah perbezaan antara *māristān* yang pernah wujud dalam tamadun Islam dengan hospital Islam yang ada di zaman ini?

### 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Penulis memilih kajian ini berdasarkan beberapa kepentingan :

<sup>22</sup> Buletin Perangkaan Sosial Malaysia (2000), Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, h 50. Lihat juga Amiruddin Abu Bakar et. al., Ciri-ciri Sosio Ekonomi Penduduk Wilayah Lembah Klang, <http://agiswlk.skali.net/Kertas%203L.htm>, 29 Mei 2003.

- 5.1 Aspek kesihatan dan perawatan merupakan sebahagian daripada keperluan kehidupan manusia. Ajaran Islam yang dibawa oleh Muhammad S.A.W. melalui panduan al-Quran dan sunnahnya sentiasa menekankan tentang persoalan ini.
- 5.2 Memandangkan umumnya masyarakat hari ini memahami bahawa perubatan Islam hanyalah merupakan cara perawatan dan pengubatan yang menggunakan jampi-jampi daripada ayat-ayat suci al-Quran semata-mata sedangkan sejak di zaman Rasulullah S.A.W. telah wujud perkhidmatan perubatan dengan pelbagai kaedah rawatan yang bersesuaian dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.
- 5.3 Dilihat dari sudut kepentingan hospital dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini dan senario di mana semakin banyak hospital dan pusat-pusat rawatan didirikan bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat.
- 5.4 Perkembangan pesat hospital dan pusat-pusat rawatan ini, terutama yang diusahakan oleh pihak swasta juga telah mempengaruhi kos perkhidmatan yang terpaksa ditanggung oleh berbagai pihak dan juga mempengaruhi cara hidup masyarakat secara keseluruhan.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Bagi memudahkan pengkajian ini, penulis telah membataskan skop kajian kepada beberapa perkara utama, iaitu:

- (i) Meliputi sejarah penubuhan institusi perubatan di kalangan umat Islam di zaman silam dan zaman kini, terutamanya di zaman Kerajaan Umayyah di mana istilah *māristān* mula muncul dan konsepnya diperkenalkan dan di zaman Kerajaan Abbasiyyah di mana perkembangan institusi ini berlaku dengan pesatnya. Penulis menyingkap istilah *māristān* yang pernah digunakan oleh umat Islam di zaman berkenaan.
- (ii) Meliputi sejarah perkembangan institusi perubatan Islam di Malaysia dan dalam kajian ini penulis memilih PUSRAWI sebagai contoh untuk dijadikan perbandingan. Penulis ingin melihat bagaimana institusi ini diuruskan dan bagaimana ianya beroperasi . Penulis memilih PUSRAWI kerana ia merupakan perintis kepada institusi lain seumpamanya yang banyak muncul kemudian terutamanya di sekitar tahun 90an.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Data-data kesusasteraan (*literature review*) diperlukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berhubung dengan kajian ini. Maklumat-maklumat itu akan diolah dan diproses untuk menyediakan satu landasan teori berhubung dengan kajian. Sebagai contoh, penulis memerlukan data-data premier untuk menyediakan maklumat-maklumat tentang sejarah *māristān* dan institusi-institusi perubatan yang seumpamanya yang pernah wujud dalam tamadun Islam serta perkembangan perkhidmatan perubatan khususnya hospital Islam di Malaysia.

Dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan dengan kajian ini penulis menggunakan dua metode utama iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

### **1.7.1 PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN**

Data-data kesusasteraan (*literature review*) dikumpul melalui penyelidikan perpustakaan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang sejarah *māristān* dan institusi-institusi perubatan yang seumpamanya yang pernah wujud dalam tamadun Islam. Penyelidikan ini juga dibuat untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai sejarah serta perkembangan perkhidmatan perubatan khususnya hospital Islam di Malaysia. Maklumat ini diolah dan diproses bagi menyediakan suatu landasan teori berhubung dengan kajian.

Maklumat dan data kajian ini banyak diperolehi daripada ensiklopedia, buku-buku, fail, risalah, majalah, pamphlet, manuskrip dan akhbar sama ada dalam bahasa Malaysia, bahasa Arab atau bahasa Inggeris dan juga sumber dari internet.

### **1.7.2 PENYELIDIKAN LAPANGAN**

Penulis menjalankan penyelidikan lapangan dengan menjalankan metode temubual serta pemerhatian atau observasi bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan.

### **1.7.2.1        Metode Temubual**

Penulis mengadakan metode temubual atau wawancara dengan beberapa responden yang dapat memberikan data primier mengenai objek-objek penelitian. Antaranya adalah data-data mengenai sejarah penubuhan PUSRAWI dan pengurusan PUSRAWI. Temubual dijalankan secara berstruktur dan responden dipilih secara rawak berdasarkan beberapa keperluan berkaitan. Antara responden yang ditemubual ialah Pengurus Besar PUSRAWI, Pegawai Pentadbiran dan Pembangunan PUSRAWI, Penolong Pengarah Bahagian Bantuan Perubatan JAWI, bekas Pengarah Kampung Baru Medical Centre (KBMC) , pengasas Persatuan Perubatan Islam Malaysia, doktor dan para pesakit di wad.

### **1.7.2.2        Metode Observasi.**

Selain dari metode di atas, penulis juga menggunakan metode observasi iaitu pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian<sup>23</sup>. Penulis telah beberapa kali berkunjung ke PUSRAWI khusus untuk membuat pemerhatian mengenai subjek yang dikaji. Berdasarkan metode observasi ini penulis dapat melihat secara jelas bagaimana perkhidmatan diberikan oleh para doktor kepada para pesakit di PUSRAWI. Dengan ini metode ini akan dapat membantu penulis untuk membuat laporan penyelidikan dan analisa data.

---

<sup>23</sup> Koentjaraningrat (1986), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta:PT. Gramedia, h.129.

### **1.8.3 METODE ANALISIS DATA**

Data-data yang diperolehi melalui metode-metode pengumpulan data seperti yang telah disebutkan akan dianalisis dengan menggunakan metode-metode berikut:

#### **1.8.3.1 Metode Induktif**

Metode induktif ialah cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang umum.<sup>24</sup> Dalam kaedah ini, penulis memulakan analisa terhadap perkara-perkara atau maklumat-maklumat khusus dan dari sini maklumat-maklumat yang lebih umum akan diperolehi. Contohnya penulis akan mengkaji pandangan pesakit terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh para doktor yang berkhidmat di PUSRAWI atau caj yang dikenakan terhadap pesakit yang menerima rawatan di PUSRAWI seterusnya analisa terhadap tahap perkhidmatan yang disediakan oleh kakitangan perkhidmatan perubatan dan pengurusan PUSRAWI akan diperolehi.

#### **1.8.3.2 Metode Deduktif**

Metode ini digunakan untuk menganalisis data berdasarkan pola berfikir yang mencari bukti dengan menggunakan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus<sup>25</sup>. Dalam kajian ini penulis mengambil maklumat daripada pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan PUSRAWI, penulis memfokuskan pemerhatian

<sup>24</sup> Imam Barnadib (1982), Erti dan Metod Sejarah Pendidikan, Yokyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h.51.

<sup>25</sup> *Ibid.*

kepada keseluruhan data-data yang telah dikumpul. Di peringkat ini, penulis akan membina suatu rumusan berdasarkan pemerhatian yang menyeluruh.

### **1.8.3.3 Metode Komparatif**

Kaedah komparatif bermaksud cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data dan fakta yang diperolehi semasa membuat kajian. Segala data dan fakta yang diperolehi dibuat perbandingan secara saksama untuk mendapatkan kesimpulan secara keseluruhan.

Penulis menggunakan metode ini dengan mengemukakan maklumat mengenai sejarah dan perkembangan *māristān* di dalam tamadun Islam melalui bab kedua, seterusnya penulis mendapatkan maklumat mengenai institusi perubatan Islam kini dan menjadikan PUSRAWI sebagai contoh dan akhirnya di dalam bab kelima kesimpulan dibuat mengenai perbandingan antara institusi-institusi ini.

## **1.9 PERMASALAHAN DAN HIPOTESIS KAJIAN**

Beberapa permasalahan telah dikenalpasti sejak di awal kajian, antaranya:

- a. Mendapatkan bahan-bahan rujukan mengenai sejarah perubahan *māristān* di zaman lampau. Buku-buku terawal tidak terdapat di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia.<sup>26</sup>
- b. Memperolehi maklumat bertulis mengenai hospital-hospital Islam yang terdapat di Malaysia.
- c. Memperolehi maklumat terperinci mengenai PUSRAWI.

Namun beberapa hipotesis telah dibentuk dan kesahihan hipotesis telah dikenalpasti setelah kajian dijalankan. Antara hipotesis tersebut:

- a. Terdapat dalam sejarah Islam institusi-insitusi perubatan unggul yang pernah menjadi lambang keagungan Islam di zaman silam.
- b. *Māristān* lahir hasil dari perkembangan pesat ajaran Islam ke serata pelusuk dunia khususnya ke Parsi. Melalui perkembangan tersebut umat Islam bukan sahaja dapat mengembangkan ajaran Islam tetapi juga dapat mengutip ilmu pengetahuan daripada umat lain dan menyesuaikannya dengan ajaran Islam.
- c. Perkembangan *māristān* merupakan antara bukti yang menunjukkan bahawa tamadun Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah telah memberikan sumbangan yang besar dalam dunia perubatan sehingga ke hari ini.
- d. Perkembangan ilmu perubatan, pertambahan jumlah pakar perubatan, kehendak masyarakat, inisiatif pemerintah dan sumber

<sup>26</sup> Buku-buku berkenaan kini banyak terdapat di perpustakaan-perpustakaan dan muzium-muzium di Eropah. (Lihat Omar Amin Hoesin (1981), *Kultur Islam*, Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, h. 99.)

kewangan menjadi faktor utama perkembangan institusi-insitusi perubatan dalam Islam.

- e. Terdapat beberapa perbezaan antara *māristān* sebagai institusi perubatan yang diuruskan oleh umat Islam di zaman lampau dengan hospital di zaman moden, sama ada diuruskan oleh umat Islam atau bukan Islam; atau dengan nama Hospital Islam atau lain-lain.

### 1.10 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Sepanjang kajian penulis, tidak banyak ditemui kajian atau penyelidikan yang telah dilakukan mengenai hospital dan perkembangannya di dunia Islam. *Tārīkh al-Bīmāristānāt fi al-Islām* (Sejarah Hospital-hospital Dalam Islam) oleh Ahmad Ḥasan Bak yang diterbitkan dalam tahun 1939 disebut sebagai buku yang pertama yang khusus membincarakan tentang tajuk ini.<sup>27</sup>

Buku yang bertajuk “*Muslims’ Contribution To The Development of Hospitals*” karya Muḥammad Ibrāhīm Ḥafīz Surty merupakan antara karya terkini mengenai hospital-hospital yang pernah wujud dalam tamadun Islam.

Penulis ada menemui latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Aishah Mohammad Saad siswazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>28</sup> dan tesis Zauzah Mohammad Gafar

<sup>27</sup> Surty, *op. cit.*, h. 55

<sup>28</sup> Latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Aishah Mohammad Saad (1992/1993), bertajuk ; “Darushshifa” : Sumbangannya Terhadap Masyarakat dan Perkembangan Dakwah Islamiyyah”, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

siswazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya<sup>29</sup> mengenai “ Dārussyifā’ ” iaitu sebuah institusi perubatan yang mengamalkan cara perubatan Islam.

Kedua-dua kajian ilmiah ini khusus mengenai Dārussyifā’ , sejarah penubuhan dan perkembangannya serta peranannya dalam memberikan perkhidmatan perubatan secara Islam kepada masyarakat. Perkhidmatan perubatan secara Islam yang disediakan di Dārussyifā’ seperti yang dipaparkan oleh kedua-dua penyelidik berkenaan ialah perubatan cara Rasulullah S.A.W. dengan menggunakan kaedah-kaedah jampi dengan ayat-ayat al-Quran dan menjadikan bahan-bahan semulajadi sebagai ubat-ubatan.

Dārussyifā’ juga tidak disebut sebagai hospital yang menempatkan para pesakit di wad-wad khas. Ia lebih merupakan sebuah klinik harian yang memberikan perkhidmatan percuma kepada sesiapa sahaja yang datang untuk mendapatkan rawatan.<sup>30</sup> Malah bangunan Dārussyifā’ didaftarkan hanya sebagai sebuah bangunan persatuan.<sup>31</sup> Iaitu persatuan para pengamal perubatan Islam yang berkonsepkan amalan penggunaan ayat-ayat suci al-Quran dan kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W.<sup>32</sup>

---

<sup>29</sup> Desertasi oleh Zauzah Mohamad Gafar ( 1992/1993 ) bertajuk ““Darussyifa”” : Peranannya Dalam Pengubatan Bagi Masyarakat Islam”, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,Kuala Lumpur.

<sup>30</sup> Darussyifa’ tidak mempunyai sumber pendapatan yang tertentu dan tetap. Sumber kewangan yang utama hanyalah melalui yuran yang dikenakan ke atas ahli. Selain dari itu Darussyifa’ sentiasa mendapat sumbangan derma, bantuan, wakaf dan sebagainya daripada orang ramai. (Zauzah Mohamad Gafar ( 1992/1993 ), “Darussyifa’ : Peranannya Dalam Pengubatan Bagi Masyarakat Islam”, Desertasi Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.100)

<sup>31</sup> *Ibid*, h.93.

<sup>32</sup> Antara peranan Dārussyifā’ ialah memberi rawatan cara Islam (mengikut kaedah Rasulullah S.A.W.) dan menyebarkan ilmu Islam yang lebih khusus dalam bidang perubatan.(lihat Amran Kasimin, h.19)

Mengenai Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI) sebagai subjek kajian, setakat ini penulis belum menemui sebarang kajian atau penyelidikan yang dibuat yang menyentuh tentang institusi ini sebagai satu contoh hospital atau pusat perubatan Islam.

## 1.11 SUSUNAN PENULISAN

Desertasi ini mengandungi lima bab sebagaimana berikut:

**Bab Pertama:** Bab ini merupakan pendahuluan, di mana di dalamnya mengandungi pengenalan, latarbelakang masalah kajian, skop kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, metodologi kajian, permasalahan kajian dan sistematika penulisan. Mengenai latarbelakang kajian, penulis telah menghuraikan secara ringkas tentang *māristān* dan Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan (PUSRAWI).

**Bab Kedua:** Bab ini adalah mengenai pengertian *māristān* dan konsep *māristān* secara umum. Penulis juga menyentuh mengenai sejarah perkembangan *māristān* sebelum Islam dan dalam pemerintahan Islam. Dalam bab ini penulis juga membincangkan peranan *māristān* dan bagaimana institusi ini diuruskan oleh pihak berkenaan. Beberapa contoh *māristān* turut dikemukakan. Di akhir Bab Kedua ini penulis menyentuh sedikit mengenai konsep hospital Islam kini.

**Bab Ketiga:** Bab ketiga ini mengandungi maklumat mengenai hospital dan perkhidmatan perubatan di Malaysia. Penulis mendapatkan maklumat dan data melalui sumber-sumber rujukan dan dokumen-dokumen di perpustakaan. Maklumat mengenai hospital Islam di Malaysia dimasukkan di akhir bab ini.

**Bab Keempat :**Penulis mengaplikasikan beberapa metode pengumpulan data dan maklumat dalam bab ini. Antaranya merupakan temubual dengan beberapa pihak yang terlibat dengan pengurusan PUSRAWI. Mendapatkan dokumen mengenai PUSRAWI dan observasi terhadap perlaksanaan PUSRAWI. Maklumat dan data-data yang diperolehi dibentangkan dan dibincangkan dalam bab ini. Setiap masalah akan dibincangkan secara berurutan.

**Bab Kelima:**Dalam bab terakhir ini, penulis menganalisa semua maklumat dan data yang diperolehi dan membuat kesimpulan atau rumusan terhadap aspek-aspek yang dibentangkan. Beberapa saranan dan cadangan dikemukakan untuk dipertimbangkan dan diaplikasikan dalam pengurusan institusi perubatan Islam kini.

## 1.12 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, kajian ini memberi gambaran umum tentang perkembangan institusi perubatan dalam tamadun Islam. Kewujudan *māristān* menjadi bukti kemajuan umat Islam dalam bidang perubatan telah mendahului tamadun bangsa dan agama lain dalam bidang perubatan berabad-abad

lamanya.Kajian ini juga cuba mengenalpasti perbezaan antara institusi perubatan Islam di zaman silam dengan institusi perubatan yang diuruskan oleh umat Islam kini.